

**KENYATAAN YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**MESYUARAT MAJLIS PENUH**  
**31 JULAI 2017**

---

**1. PENARAFAN LIMA (5) BINTANG ANUGERAH KHAS  
KESELAMATAN PERLINDUNGAN (AKKP)**

Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menerima Sijil Penarafan Lima (5) Bintang AKKP yang disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara dalam satu majlis yang diadakan pada 10 Julai 2017 bertempat di Dewan Taklimat ICU, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya. Sebanyak 185 Kementerian dan Jabatan berkenaan telah dipilih untuk menyertai program AKKP ini dan disaring menerusi pemeriksaan Inspektorat Khas Keselamatan Perlindungan yang dijalankan sehingga bulan Disember tahun 2016. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) merupakan salah satu agensi yang menerima pengiktirafan ini di samping lapan (8) Pihak Berkuasa Tempatan lain.

## **2. PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT KEHORMATAN NEGERI PULAU PINANG**

Bersempena dengan Harijadi Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang yang ke-79 pada 8 Julai 2017, Tuan Yang Terutama Tun berkenan untuk mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang kepada seorang Ahli Majlis dan 29 kakitangan MPSP seperti pada Lampiran A.

## **3. PELANTIKAN BARU KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Majlis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif. mantan Yang Dipertua MPSP yang telah dilantik menjadi Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang bermula 1 Julai 2017. Beliau telah berkhidmat selama 6 tahun 3 bulan (16 Mac 2011 hingga 30 Jun 2017) di Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah melantik YBhg. Dato' Sr Hj Rozali Bin Hj Mohamud sebagai Yang Dipertua MPSP yang baru bagi menggantikan YBhg. Dato'

Maimunah Mohd Sharif. Pelantikan ini berkuatkuasa pada 1 Julai 2017 bagi memantapkan lagi pentadbiran Majlis.

Majlis mengucapkan tahniah ke atas pelantikan Setiausaha Perbandaran, MPSP yang baru iaitu Puan Ir Hjh Rosnani binti Hj Mahmod. Pelantikan ini berkuatkuasa pada 1 Julai 2017.

Majlis juga mengucapkan tahniah di atas pelantikan Puan Rosnada binti Abu Hassan sebagai Pengarah Undang-Undang, Puan Hjh Norliza binti Abdullah sebagai Pengarah Perancang Bandar dan Tuan Hj Baderul Amin bin Abdul Hamid sebagai Pemangku Pengarah Kejuruteraan berkuatkuasa 1 Julai 2017.

Majlis mengucapkan selamat datang kepada Puan Norlizawati binti Sidek yang ditukarkan ke Majlis Perbandaran Seberang Perai dan tahniah diatas pelantikan sebagai Pengarah Pesuruhjaya Bangunan (COB) berkuatkuasa 24 Julai 2017.

Majlis juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Puan Hjh Noraziah binti Hj Abdul Aziz, mantan Pengarah Khidmat Pengurusan yang telah bersara wajib bermula 25 Julai

2017. Beliau telah berkhidmat selama 37 tahun di Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Ucapan penghargaan juga kepada Puan Rozana binti Zakaria, mantan Pengarah Pesuruhjaya Bangunan (COB) yang telah bertukar ke Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Seberang Perai. Beliau telah berkhidmat selama 1 tahun 8 bulan di Majlis Perbandaran Seberang Perai.

#### **4. BIL CUKAI TAKSIRAN PENGGAL KEDUA 2017**

Dimaklumkan bahawa Bil Cukai Taksiran MPSP bagi Penggal Kedua 2017 telah dihantar kepada pemilik premis di Seberang Perai mulai **19 Jun 2017** dan pembayaran perlu dibuat selewat-lewatnya **31 Ogos 2017**.

Semakan bil serta pembayaran cukai taksiran boleh dibuat di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Kaunter Cawangan MPSP di Kg. Jawa, Butterworth dan Kaunter Cawangan MPSP di Jawi.

Pembayar cukai juga boleh membuat bayaran melalui laman web MPSP, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila menghubungi ditalian 04-5497470 / 471 / 468 / 696 / 697 / 790 / 891 atau e-mel ke [waran@mpsp.gov.my](mailto:waran@mpsp.gov.my).

## **5. PEMBUKAAN KAUNTER BERPUSAT PADA HARI SABTU & AHAD SEMPENA BULAN BAYARAN CUKAI 2017**

Dimaklumkan bahawa perkhidmatan Kaunter Berpusat, MPSP dibuka pada hari Sabtu dan Ahad sempena bulan bayaran cukai taksiran Majlis Perbandaran Seberang Perai sepanjang bulan Julai & Ogos 2017. Waktu operasi bermula jam 8.30 pagi sehingga 12.30 tengah hari.

Pembukaan perkhidmatan kaunter ini adalah untuk memberi kemudahan kepada para pelanggan dan stakeholder bagi membuat bayaran cukai taksiran setengah tahun kedua. Kaunter Berpusat juga akan melanjutkan masa operasi kepada pembayar cukai sehingga 8.30 malam pada 30 Ogos 2017 (Rabu).

## **6. GARIS PANDUAN PUSAT MENCUCI KENDERAAN SECARA MANUAL**

Garis panduan ini adalah bertujuan bagi memudahkan pengusaha pusat mencuci kenderaan secara manual untuk mengemukakan Pelan Kebenaran Merancang. Pelan Kebenaran merancang perlu bagi mengawal air dan sisa kimia, mengenal pasti status tanah dan sebagainya. Pada mesyuarat OSC MPSP bertarikh 26.07.2017 satu permohonan kebenaran merancang bagi pusat mencuci kenderaan secara manual telah diluluskan. Ini menunjukkan bahawa garis panduan ini dapat dipatuhi dan ia tidak menjadi masalah kepada pengusaha lain supaya turut mengemukakan permohonan ini.

## **7. GARIS PANDUAN PUSAT JUALAN KENDERAAN TERPAKAI**

Garis panduan ini adalah bertujuan bagi memudahkan pengusaha pusat jualan kereta terpakai untuk mengemukakan Pelan Kebenaran Merancang. Pelan Kebenaran Merancang begitu penting kerana melalui permohonan ini ia dapat melihat beberapa isu dan masalah utama untuk diatasi. Antara isu utama ialah keselamatan struktur bangunan, system perparitan, perangkap minyak, kesesakan lalulintas, kebersihan, status

tanah dan sebagainya. Pada mesyuarat OSC MPSP bertarikh 26.07.2017 satu permohonan kebenaran merancang pusat jualan kereta terpakai telah diluluskan. Ini juga menunjukkan pengusaha atau operator pusat jualan kereta terpakai dapat mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh MPSP.

## **8. GARIS PANDUAN KAEADAH PERNIAGAAN BERKONSEPKAN TRAK MAKANAN DAN TRAK PERKHIDMATAN**

Untuk makluman, aktiviti perniagaan berkonsepkan Trak Makanan dan Trak Perkhidmatan kini menjadi *trend* dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan di seluruh Negara. Kehadiran trak-trak makanan ini mampu menjadi tarikan utama bagi memeriahkan dan menjayakan sesuatu program yang dianjurkan. Sesuai dengan gaya hidup masyarakat Malaysia yang gemarkan kelainan maka konsep perniagaan menggunakan Trak Makanan dan Trak Perkhidmatan ini dilihat mampu memenuhi citarasa dan kehendak penggemar makanan dan memudahkan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

MPSP melalui Majlis Penuh pada 30 Mac 2017 telah meluluskan satu Garis Panduan yang dinamakan sebagai Garis Panduan Kaedah Perniagaan Berkonsepkan Trak Makanan Dan Trak Perkhidmatan. Garis panduan ini bertujuan untuk memberikan panduan kepada semua pihak terutamanya para penjaja dan peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan berkonsepkan Trak Makanan dan Trak Perkhidmatan di sekitar Seberang Perai.

Garis Panduan ini juga disediakan bagi mempromosikan kaedah penjajaan baru yang lebih mudah dan moden dalam usaha Kerajaan Negeri dan MPSP bagi menjayakan “*Cleaner, Greener, Safer, Healthier & Happier*” di Seberang Perai.

Diharapkan dengan adanya Garis Panduan ini ia mampu memberi peluang dalam membantu penjaja-penjaja, peniaga-peniaga dan para usahawan yang baru berkecimpung dalam dunia perniagaan mahu pun yang ingin mengembangkan perniagaan mereka.

MPSP juga akan mempergiatkan dan meningkatkan tindakan penguatkuasaan terhadap mana-mana pengusaha trak

makanan dan trak perkhidmatan yang tidak mempunyai lesen perniagaan yang sah memandangkan tempoh yang diberikan adalah mencukupi untuk pengusaha membuat permohonan lesen. Pemantauan dan penguatkuasaan MPSP akan dibuat di kawasan-kawasan perniagaan utama termasuklah pengesanan melalui media massa seperti *Facebook*.

Oleh yang demikian, Majlis mengalu-alukan pengusaha trak makanan dan trak perkhidmatan di kawasan Seberang Perai untuk mendapatkan garis panduan ini melalui laman sesawang MPSP di [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my). Di samping itu, garis panduan juga boleh didapati di Jabatan Pelesenan, Tingkat 1, Bandar Perda, MPSP.

MPSP juga meminta supaya semua pengusaha trak makanan dan trak perkhidmatan untuk membuat permohonan lesen perniagaan dengan segera bagi mengelak tindakan undang-undang diambil oleh MPSP.

Untuk pertanyaan lanjut sila berhubung dengan Jabatan Pelesenan, MPSP di talian no. 04-5497685 / 04-5497847.

## **9. PENGANJURAN FESTIVAL PINGGIRAN BUTTERWORTH 2017 ATAU DIKENALI SEBAGAI *BUTTERWORTH FRINGE FESTIVAL 2017 (BFF)***

Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan sokongan penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Think City Sdn. Bhd dan George Town Festival (GTF) akan menganjurkan *Butterworth Fringe Festival 2017* pada 12-13 Ogos 2017 (Sabtu-Ahad) bermula 4.00 petang sehingga 11.00 malam bertempat di Jalan Jeti Lama, Butterworth.

Penganjuran *BFF 2017* bertujuan untuk menghidupkan Bandar Butterworth sebagai hub budaya, kreatif dan inovatif di samping mempromosikan budaya tempatan dengan membawa kelainan dalam mempersembahkan budaya antarabangsa yang membawa konsep “*Free + Fun Street Festival* ”. Pelbagai acara tempatan dan antarabangsa bakal dipersembahkan selaras untuk menjadikan Butterworth sebagai hub acara budaya kreatif dan inovatif di samping menggalakkan pertumbuhan ekonomi Seberang Perai khasnya dan Negeri Pulau Pinang secara amnya.

## **10. MPSP PAGI BEBAS KENDERAAN @ SEBERANG PERAI**

Sukacita dimaklumkan bahawa Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai (*MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai*) akan diadakan pada 6 Ogos 2017 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya. Oleh itu, jalan ini akan ditutup untuk tujuan tersebut mulai jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

## **11. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3, Seberang Jaya pada 6 Ogos 2017 (Ahad) sempena Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai. Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan akan diadakan pada 20 Ogos 2017 (Ahad). Manakala Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 27 Ogos 2017 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

## **12. UCAPAN TERIMA KASIH**

Kesempatan ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pekerja-pekerja MPSP yang bertungkus lumus menjalankan kerja-kerja pembersihan sempena Hari Raya Aidil Fitri yang lalu.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**